



## **SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 01/2023 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya jua, serta berkat daulat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita telah sama-sama melangkah ke Tahun Baru Masihi 2023 dengan penuh kesyukuran.

Sejak pandemik COVID-19 melanda sekitar tiga tahun yang lalu, kita telah melihat kesannya di mana bukan saja memberikan impak kepada sektor awam mahupun swasta, malah kepada kehidupan sosial dan rutin harian rakyat dan penduduk di Negara ini. Alhamdulillah, kini dengan izinNya jua, Negara Brunei Darussalam telah berjaya mengharungi cabaran Pandemik COVID-19 dengan penuh keazaman dan kecekalan. Dalam hal ini, kita setentunya tidak melupakan jasa dan pengorbanan mereka yang berada di barisan hadapan, termasuklah para sukarelawan yang terdiri daripada warga perkhidmatan awam, swasta mahupun orang awam, dalam menyumbangkan masa, tenaga dan buah fikiran untuk bersama-sama membanteras penularan wabak COVID-19. Di dalam kita kini meneruskan kehidupan dalam norma baharu, sukacita mengingatkan agar warga perkhidmatan awam untuk senantiasa berwaspada dengan wabak COVID-19 demi menjaga kesejahteraan dan kesihatan bersama.

Dengan kehadiran Tahun Baru Masihi 2023, marilah kita, khususnya warga perkhidmatan awam, sama-sama mengimbas kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan Tahun Baru Masihi 2023 dan seterusnya menjunjung tinggi hasrat Baginda selaku jentera penggerak Kerajaan Baginda yang antara lain Baginda bertitah seperti berikut:

- i. Baginda menyentuh mengenai hikmah di sebalik krisis pandemik COVID-19 yang telah menciptakan peluang untuk berdikari dalam memperkasa bidang-bidang utama seperti sekuriti makanan, perbekalan, pendidikan, kewangan dan kesihatan. Baginda menyeru agar rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk mendalami hikmah yang tidak pernah terlintas difikiran, malah banyak lagi untuk kelangsungan hidup, termasuk membanyakkan amal salih, beribadat, berdo'a, bersabar dan bertawakal kepada Allah. Demikian juga hikmah fizikal pandemik yang telah membawa hasil dalam peningkatan kapasiti kaedah digital yang membolehkan semua pihak dapat menikmati perkhidmatan yang cekap dan cepat dalam bidang pekerjaan mahupun pembelajaran secara maya.
- ii. Baginda seterusnya menyampaikan harapan agar pengalaman ini akan dapat menyuntik semangat rajin berusaha untuk meningkatkan inisiatif-inisiatif mempelbagaikan ekonomi negara serta berganding bahu untuk sama-sama mewujudkan peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan ke arah mencetuskan minat besar para belia, khasnya untuk menceburi bidang-bidang baharu seperti *big data*, *cloud computing*, tenaga hijau (*green energy*) dan teknologi mesra alam (*environmentally-friendly technology*).



- iii. Ke arah mencapai tiga matlamat utama Wawasan Brunei 2035, Baginda mengongsikan usaha Kerajaan Baginda dalam melaksanakan *Economic Blueprint* dan merangka strategi melalui *Social Blueprint* dan *Manpower Blueprint*. Adalah diharapkan bagi setiap rangka kerja dan strategi yang sedang dan akan dilaksanakan melalui pelan-pelan tindakan berkenaan akan mendapat dokongan padu daripada pelbagai pihak berkepentingan.
- iv. Berhubung situasi ekonomi negara yang sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran, termasuk peningkatan kadar inflasi yang turut didorong oleh ketegangan geopolitik di peringkat global, Baginda telah mengingatkan rakyat dan penduduk mengenai cabaran pahit *imported inflation* yang membawa berlakunya kenaikan harga barang di Negara Brunei Darussalam. Kadar inflasi telah meningkat dari 3.8 peratus kepada 4.7 peratus, iaitu kadar tertinggi pernah direkodkan. Untuk meminimakan kesan inflasi, Kerajaan Baginda akan terus berusaha dengan sedaya upaya untuk memastikan bekalan dan sekuriti makanan adalah stabil dan mencukupi.
- v. Baginda seterusnya mengingatkan semua lapisan rakyat dan penduduk untuk bertekad menjalani kehidupan bersih tanpa digangu oleh gejala-gejala buruk seperti rasuah, pecah amanah, penyalahgunaan kuasa dan penyalahgunaan dadah. Adalah menjadi satu kelebihan besar bagi Negara Brunei Darussalam jika gejala-gejala buruk ini dapat dihindari.
- vi. Baginda seterusnya mengongsikan mengenai beberapa siri keberangkatan keluar negara yang telah diadakan pada tahun 2022, dan telah menghasilkan termeterainya beberapa perjanjian dan Memorandum Persefahaman dengan beberapa pertubuhan dan institusi antarabangsa, seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (P.B.B.); *International Monetary Fund* (I.M.F.); World Health Organization (W.H.O.) dan lain-lain. Semua ini dijangkakan akan dapat membantu perkembangan dan pengiktirafan profesionalisme sumber tenaga manusia.
- vii. Akhirnya, Baginda merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua peringkat warga perkhidmatan awam, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, pasukan-pasukan beruniform yang lain, para barisan hadapan (*frontliners*) dan sukarelawan, termasuk mereka yang berkhidmat di sektor swasta dan badan-badan bukan Kerajaan (NGOs), di atas komitmen dan usaha gigih mereka melaksanakan tugas dan tanggung jawab masing-masing sepanjang tahun 2022. Penghargaan dan terima kasih yang sama turut diucapkan kepada semua lapisan masyarakat yang sentiasa bekerjasama dalam memberikan sokongan padu kepada Kerajaan Baginda, sama ada dalam menangani wabak penyakit mahupun dalam mendokong agenda pembangunan negara.
- viii. Baginda turut merakamkan penghargaan kepada negara-negara sahabat dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa di atas kerjasama dan bantuan yang dihulurkan. Negara Brunei Darussalam akan terus memupuk dan mengeratkan hubungan serta kerjasama dengan negara-negara sahabat, khususnya dalam menangani isu dan cabaran serantau dan antarabangsa pasca COVID-19 dalam pemulihan ekonomi seperti perdagangan digital, kedayatahanan, perubahan iklim dan kesihatan am.

Hz



Di dalam usaha kita menjunjung dan menanai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri menaruh harapan tinggi ke atas jentera pentadbiran awam di Negara ini termasuklah Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan untuk sentiasa berkerjasama dan berganding bahu dalam sama-sama melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Selaku warga perkhidmatan awam juga, kita hendaklah sentiasa memulakan pekerjaan dengan niat murni untuk berkhidmat demi memelihara kemaslahatan setiap pihak yang berkepentingan khasnya, dan orang ramai amnya ke arah merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Akhir sekali, marilah kita sama-sama berdoa semoga usaha-usaha murni kita selaku warga perkhidmatan awam dalam membangun Negara akan sentiasa dirahmati dan diberkati serta mendapat petunjuk dan perlindungan yang berterusan daripada Allah Subahanahu wa Ta'alau jua.

*"Menjayakan Wawasan Brunei 2035"*

A blue ink signature in cursive script, appearing to read "Ajman bin Haji Meludin".

[ AJMAN BIN HAJI MELUDIN ]  
Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam)

Jabatan Perdana Menteri,  
Istana Nurul Iman,  
Bandar Seri Begawan, BA 1000  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (1) JPM/SK/2023  
Tarikh : 24 Rejab 1444  
15 Februari 2023